

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 18 SEPTEMBER 2016

KERATAN AKHBAR

Jumaat 18 September 2016 • Sinar Harian 35

LEMBAH KLANG

Bekalan air terawat menyusut

Syabas bimbang pengguna di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya terjejas

KUALA LUMPUR – Cuaca panas dan kering yang sedang dialami negara kini menyebabkan situasi bekalan air terawat bertambah meruncing bagi pengguna yang tinggal di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Pengarah Eksekutif, Bahagian Hal Ehwal Korporat Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas), Priscilla Alfred berkata, secara purata kadar pengeluaran air terawat daripada kesemua 34 buah loji rawatan air pada keadaan cuaca yang biasa kebanyakan loji-loji rawatan air utama tidak dapat lagi menambah pengeluaran air terawat kerana operasi masing-masing sudah mencapai tahap maksima dan melebihi kapasiti reka bentuk iaitu beroperasi dalam keadaan overload.

Justeru itu katanya, bekalan air terawat masih tidak mencukupi untuk menampung keseluruhan permintaan pengguna.

Berdasarkan data dan rekod katanya, sebahagian pengguna di 106 kawasan melibatkan sebanyak 298,547 pintu rumah di Semenyih, Taman Pinggiran Delima, Cheras Baharu, Pulau Indah dan Sijanggang dikenal pasti paling mudah mengalami gangguan bekalan air.

Ia berdasarkan kepada permintaan air meningkat ketika waktu puncak dan musim panas kering yang panjang.

"Fenomena El-Nino menjadikan situasi bekalan air terawat bertambah runcing sebab kekurangan bekalan air mentah di sungai dan empangan. Jika situasi ini berlaku, pengguna akan berhadapan dengan kemungkinan catuan bekalan air.

"Situasi yang sama pernah dialami pada tahun 1998 dan yang terkini pada tahun 2014 di mana catuan bekalan air terpaksa dilaksanakan oleh Kerajaan Selangor dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Span).

Menurutnya, kesan El-Nino sudah dilihat di beberapa tempat di negara ini, antaranya Johor yang masih melaksanakan catuan air di Kota Tinggi, Pasir Gudang, Masai dan sebahagian daripada Johor Bahru kerana tahap kritikal air di Empangan Sungai Layang dan Empangan Sungai Lebar.

Dalam pada itu katanya, Kerajaan Selangor melalui agensinya Lembaga Urus Air Selangor (Luas) perlu memastikan bekalan air mentah sentiasa mencukupi dengan kualiti mematuhi piawaian ditetapkan Kementerian Kesihatan.

"Berdasarkan data di laman web Luas pada 8 September lalu, paras empangan utama air mentah di Selangor sudah menunjukkan trend penurunan.

"Musim panas dan kemarau panjang boleh juga menjejaskan kualiti air mentah di sungai-sungai. Awal tahun ini Loji Rawatan Air Cheras Batu 11 di Wilayah Hulu Langat dan Loji Rawatan Air Bukit Tampoi di Wilayah Kuala Langat telah ditutup berulang kali disebabkan kandungan ammonia di dalam air Sungai Langat melanggar paras yang dibolehkan.

"Ini disebabkan paras aliran air sungai yang rendah ekoran cuaca panas kering yang panjang menjadikan ia tidak mampu untuk mencairkan kandungan ammonia. Apabila setiap kali loji rawatan air ditutup, bekalan air terawat kepada pengguna di kawasan yang terlibat akan terjejas," kata Priscilla.

Bagaimanapun katanya, bagi menghadapi kemungkinan pengurangan kuantiti bekalan air terawat yang dapat diagihkan, Syabas sentiasa bersiap-siaga.

Beliau turut mengharapkan pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 disegerakan kerana projek itu dijangka dapat menambah kapasiti bekalan air terawat selain mampu menyelesaikan masalah air di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sehingga 2030.



Kapasiti empangan yang menyusut menyebabkan penyaluran bekalan air terawat turut terjejas.

UNIT KORPORAT

TINGKAT 13, BANGUNAN DARUL EHSAN,
NO.3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14, 40000 SHAH ALAM
TELEFON:03-55111800 / FAX:03-55101800